

05 JAN 1997

PBT DIKEHENDAKI MEMERIKSA PREMIS DI TEBING SUNGAI

SABAK BERNAM, 5 Jan (Bernama) -- Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dikehendaki menjalankan pemeriksaan berkala terhadap semua premis yang didirikan di tebing sungai, lereng bukit dan tanah bekas lombong untuk memastikan tahap keselamatan pada setiap masa, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh.

Dengan pemeriksaan itu pemilik bangunan boleh dimaklumkan segera mengenai sebarang kelemahan dan diarahkan mengambil tindakan secepat mungkin bagi memperkukuhkan struktur bangunan mereka, katanya.

"Pihak berkuasa tempatan seluruh negara wajar menjalankan langkah ini secepat yang boleh," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan MCA Selangor di pejabat MCA bahagian Sabak Bernam, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan pusat akan berbincang dengan semua kerajaan negeri mengenai kemungkinan memindahkan penduduk di tebing-tebing sungai bagi mengelakkan tragedi seperti banjir besar di Keningau, Sabah baru-baru ini akibat ribut Greg.

Dr Mahathir berkata, perkara itu perlu dibincangkan dengan kerajaan negeri kerana penempatan semula penduduk di kawasan kurang selamat itu melibatkan tanah milik kerajaan negeri.

Ting juga berkata, PBT juga wajar menjalankan kajian di semua lereng bukit dan tanah bekas lombong termasuk yang belum dihuni bagi memastikan keselamatannya sebagai kawasan penempatan. -- BERNAMA

MNY PR